

PENGETAHUAN SEDIA ADA DAN KEMAHIRAN BERTUTUR BAHASA ARAB PELAJAR SEKOLAH MENENGAH

[PRIOR KNOWLEDGE AND ARABIC SPEAKING SKILLS OF SECONDARY SCHOOL STUDENTS]

NUR SOFIAH IZZATI ZULKEPLY^{1*} & HARUN BAHARUDIN¹

^{1*} Fakulti Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

Corespondent Email: sofiahizzati@gmail.com

Received: 24 May 2025

Accepted: 26 June 2025

Published: 17 July 2025

Abstrak: Pengetahuan sedia ada merupakan elemen penting yang berperanan sebagai asas kognitif dalam proses pembelajaran bahasa Arab khususnya dalam penguasaan kemahiran bertutur. Pengetahuan ini meliputi maklumat, pengalaman serta kemahiran linguistik yang telah diperoleh pelajar sebelum mengikuti pembelajaran formal. Keupayaan pelajar mengaitkan pengetahuan sedia ada dengan maklumat baharu membantu mereka membina kefahaman kontekstual, menyusun struktur ayat dengan tepat dan memilih kosa kata yang sesuai ketika bertutur. Pengetahuan sedia ada dalam aspek tatabahasa, kosa kata, isi kandungan, dan budaya Arab turut memudahkan pelajar menyampaikan maklumat secara lancar dan yakin. Hubungan antara pengetahuan sedia ada dan kemahiran bertutur dapat dilihat melalui penguasaan pelajar dalam situasi komunikasi harian dan aktiviti lisan. Pelajar yang mempunyai pengetahuan asas yang kukuh cenderung bertutur dengan lebih fasih, menggunakan struktur ayat yang betul serta memahami konteks sosial dan budaya yang berkaitan. Selain itu, pengetahuan awal yang mantap meningkatkan keyakinan pelajar untuk aktif berinteraksi serta memperkuuh kecekapan mereka dalam menyampaikan mesej secara tepat. Kesimpulannya, hipotesis kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara dua pemboleh ubah iaitu pengetahuan sedia ada dan kemahiran bertutur. Dapatkan ini mengukuhkan andaian bahawa tahap pengetahuan sedia ada yang tinggi dalam pembelajaran bahasa Arab mempunyai perkaitan rapat dengan pencapaian kemahiran bertutur yang lebih cemerlang. Sehubungan itu, usaha memperkuuh pengetahuan sedia ada pelajar perlu diberi perhatian dalam merancang strategi pengajaran bahasa Arab yang lebih berkesan.

Kata Kunci: pengetahuan sedia ada, kemahiran bertutur, bahasa Arab, tatabahasa, kosa kata.

Abstract: Prior knowledge is a crucial element that serves as a cognitive foundation in the process of learning Arabic particularly in mastering speaking skills. This knowledge encompasses the information, experiences and linguistic abilities that students have acquired prior to attending formal instruction. Students' ability to relate prior knowledge to new information helps them build contextual understanding, organize sentence structures accurately and select appropriate vocabulary when speaking. Prior knowledge in aspects such as grammar, vocabulary, content and Arabic culture also facilitates smoother and more confident communication. The relationship between prior knowledge and speaking skills can be observed through students' mastery in daily communication situations and oral activities. Students with strong foundational knowledge tend to speak more fluently, use correct sentence structures and comprehend relevant social and cultural contexts. Furthermore, solid prior knowledge boosts students' confidence to actively engage in interactions and enhances their competence in

conveying messages accurately. In conclusion, this assumption highlights a significant relationship between the two variables namely prior knowledge and speaking skills. The findings reinforce the view that a high level of prior knowledge in Arabic language learning is closely associated with achieving higher speaking proficiency. Therefore, efforts to strengthen students' prior knowledge should be prioritized in planning more effective Arabic language teaching strategies.

Keywords: prior knowledge, speaking skills, Arabic language, grammar, vocabulary

Cite This Article:

Nur Sofiah Izzati Zulkeply & Harun Baharudin. (2025). Pengetahuan Sedia Ada Dan Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Pelajar Sekolah Menengah [Prior Knowledge And Arabic Speaking Skills Of Secondary School Students]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 5(2), 53-71.

PENGENALAN

Bahasa merupakan anugerah istimewa daripada Allah SWT kepada manusia sebagai alat komunikasi yang membezakan mereka daripada makhluk lain. Bahasa menjadi asas utama dalam kehidupan manusia berperanan untuk menyampaikan maklumat, idea dan perasaan serta membentuk peradaban manusia. Kepelbagaiannya bahasa di dunia sama ada secara lisan maupun isyarat, menjadi bukti kebesaran ciptaan Allah. Hal ini sebagaimana firman Allah dalam Al-Quran yang menyebut bahawa penciptaan langit, bumi dan perbezaan bahasa sebagai tanda kekuasaan-Nya dalam Surah Ar-Rum ayat 22:

وَمِنْ ءَايَتِهِ حَلْقُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَآخِرُ لِفْلِفُ الْسِّتِّكُمْ وَالْوَنِيكُمْ

Maksudnya:

“Dan diantara tanda-tanda kewujudan dan kebesaran-Nya ialah penciptaan langit dan bumi, perbezaan bahasamu dan warna kulitmu”.

Quraish Shihab dalam *Tafsir Al-Misbah* (Jilid XI, hlm. 37) menjelaskan bahawa Surah Ar-Rum ayat 22 merupakan kelanjutan daripada perbincangan mengenai tanda-tanda keesaan dan kebesaran Allah SWT. Ayat ini mengangkat fenomena penciptaan alam semesta serta perbezaan bahasa dan rupa manusia sebagai bukti kebesaran dan kekuasaan-Nya. Menurut beliau, perbezaan bahasa bukan sekadar unsur kebudayaan, tetapi merupakan tanda yang mencerminkan kehendak dan kekuasaan Allah dalam menciptakan kepelbagaiannya di kalangan manusia. Ini menunjukkan bahawa bahasa bukan hanya alat komunikasi, tetapi juga simbol penciptaan Ilahi yang penuh hikmah.

Selaras dengan pandangan tersebut, bahasa Arab menjadi salah satu bahasa utama dunia yang memiliki kedudukan istimewa sebagai bahasa Al-Quran dan medium ilmu semasa zaman kegemilangan tamadun Islam. Keindahan serta ketepatan maknanya menjadikan bahasa Arab sebagai medium utama dalam penterjemahan karya-karya agung dari tamadun Yunani, Parsi dan India (Nasrulloh, 2023; Ilma & Numan, 2023). Bahasa Arab juga berkembang sebagai wahana keilmuan dan budaya melalui pengaruhnya terhadap sistem pendidikan dan perundungan Islam yang tersebar luas ke pelbagai wilayah (Aslan, 2019; Akhirudin et al., 2023). Kedudukan ini membuktikan bahawa penguasaan bahasa Arab bukan sahaja penting

dalam konteks keagamaan malah dalam memahami warisan intelektual dan sejarah umat Islam secara menyeluruh.

Di peringkat lokal, perkembangan bahasa Arab turut memperlihatkan kepentingannya dalam sistem pendidikan negara. Bahasa Arab mula diajar secara tidak formal melalui institusi pondok dan madrasah untuk tujuan pengajian agama sebelum dikembangkan secara sistematik melalui pentadbiran Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) (Suhaidah Samat, 2015). Melalui Akta Pendidikan 1996, bahasa Arab diiktiraf sebagai bahasa ketiga bersama bahasa Jepun, Jerman dan Perancis manakala kurikulum bahasa Arab telah dirangka secara rasmi sejak tahun 1977 (Kamarul Shukri, 2009). Usaha memperkuat penguasaan bahasa Arab diteruskan dengan pelaksanaan program j-QAF pada tahun 2005 yang menekankan kemahiran membaca Al-Quran, penguasaan Jawi, Fardhu Ain dan bahasa Arab.

Tambahan kepada inisiatif ini ialah pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang menyepadukan elemen komunikasi lisan dalam mata pelajaran Bahasa Arab yang menekankan pendekatan berpusatkan pelajar serta penguasaan kemahiran berbahasa secara holistik (KPM, 2018). Hal ini menunjukkan bahawa kerajaan komited dalam memperkuat penguasaan bahasa Arab khususnya dari aspek komunikasi lisan yang kini menjadi keperluan dalam pelbagai bidang termasuk pendidikan, dakwah dan urusan profesional.

Salah satu fokus utama dalam pengajaran bahasa Arab ialah penguasaan kemahiran bertutur iaitu antara empat kemahiran asas dalam pembelajaran bahasa. Kemahiran bertutur merujuk kepada kebolehan menyampaikan maklumat secara lisan dengan jelas dan tepat serta menggunakan intonasi dan sebutan yang betul (Masyitoh & Kaseh, 2018). Kemahiran ini dianggap sebagai pencapaian tertinggi dalam pemerolehan bahasa dan menjadi penanda aras kecekapan berbahasa (Egan, 1999). Namun, ia juga sering dianggap sebagai kemahiran yang paling mencabar kerana memerlukan pelajar bertutur secara spontan dan dalam masa sebenar (Zawawi Ismail et al., 2011; Faris & Abdul Salam, 2023).

Dalam konteks pembelajaran bahasa Arab di Malaysia, pelajar sering menghadapi cabaran untuk menguasai kemahiran ini. Kajian menunjukkan bahawa pelajar yang mempunyai asas bahasa Arab lebih cenderung menunjukkan prestasi yang baik dalam pertuturan berbanding mereka yang tidak memiliki pengetahuan asas yang mencukupi (Ghazali Yusri et al., 2010; Nadhwah Daud & Nadhilah, 2014). Hal ini mungkin disebabkan oleh kurangnya pendedahan kepada persekitaran bahasa yang kondusif, kekangan masa pengajaran yang terbatas serta kaedah pembelajaran yang lebih berfokuskan tatabahasa berbanding amali bahasa (Fuadi, 2019; Qomari et al., 2022; Baeha et al., 2024).

Kemahiran bertutur yang kukuh bukan sahaja menyumbang kepada keberkesanannya komunikasi, malah turut membantu membina keyakinan diri serta memupuk minat pelajar terhadap subjek bahasa Arab (Mahadi Suboh, 2019). Justeru, adalah penting untuk mengenal pasti faktor yang mempengaruhi kecekapan bertutur pelajar agar pengajaran dapat dilaksanakan dengan lebih berfokus dan berkesan.

Antara faktor utama yang dipercayai mempengaruhi tahap penguasaan kemahiran bertutur ialah pengetahuan sedia ada pelajar terhadap bahasa Arab. Pengetahuan sedia ada merangkumi maklumat, pengalaman dan kemahiran yang telah dimiliki sebelum proses pembelajaran berlaku (Dochy et al., 1999). Untuk menguasai kemahiran bertutur dalam bahasa

Arab, seseorang perlu bermula dengan menguasai beberapa asas penting merangkumi pembelajaran tentang sebutan huruf dengan betul, penguasaan intonasi yang sesuai, tekanan suara yang tepat semasa membuat ujaran serta pemahaman tentang istilah-istilah bahasa dan tatabahasa yang berkaitan. Pemilikan pengetahuan asas ini dijangka dapat membantu pelajar menghasilkan pertuturan yang lebih baik dan lancar (El-Tingari, 2016).

Menurut Hailikari, Nevgi dan Lindblom-Ylännne (2007), tahap pengetahuan sedia ada yang kukuh dapat meramalkan prestasi pelajar dalam pembelajaran, terutamanya dalam bidang yang melibatkan kemahiran kognitif kompleks seperti pertuturan bahasa kedua. Oleh itu, penerokaan terhadap hubungan antara pengetahuan sedia ada dengan kecekapan bertutur bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Malaysia adalah signifikan dan wajar diberikan perhatian oleh penyelidik serta penggubal dasar pendidikan.

LITERATUR KAJIAN

Teori Konstruktivisme dalam Pembelajaran Bahasa

Teori konstruktivisme merupakan suatu pendekatan pedagogi yang menitikberatkan penglibatan aktif pelajar dalam proses pembinaan pengetahuan yang berhasil melalui integrasi pengalaman sedia ada dan baharu dengan guru berperanan sebagai pembimbing. Teori ini menjelaskan bahawa pelajar menyusun dan menghubungkan pengetahuan dalam minda dan struktur kognitif mereka akan berubah apabila memperoleh pengalaman baharu (Abdul Muqsith, 2013; Wang, 2022). Dalam konteks pembelajaran bahasa, teori ini memperkuuh proses pemahaman dan pengaplikasian bahasa secara bermakna sesuai dengan prinsip mengaitkan pengetahuan sedia ada dengan penguasaan kemahiran bertutur (Umam et al., 2019; John, 2023).

Menurut Hailikari, Nevgi dan Lindblom-Ylännne (2007), pengetahuan sedia ada merangkumi dua komponen utama iaitu pengetahuan deklaratif seperti kosa kata dan tatabahasa serta pengetahuan prosedural iaitu kemahiran aplikasi seperti pembentukan ayat dan perbualan yang kedua-duanya memainkan peranan penting dalam mempengaruhi tahap kecekapan bertutur. Sementara itu, Jean Piaget (1976) menegaskan bahawa pengetahuan berkembang secara dinamik menerusi pembinaan dan penyusunan semula maklumat secara berterusan (Voon & Amran, 2021; Halid, 2024).

Dalam konteks kajian ini, teori konstruktivisme diaplikasikan bagi memahami bagaimana pengetahuan sedia ada mempengaruhi kemahiran bertutur bahasa Arab. Proses ini berlaku apabila pelajar mengaitkan pengetahuan baharu dengan maklumat terdahulu (Abdul Muqsith, 2013; Jamaluddin, 2023). Sebagai contoh, pemahaman terhadap perkataan Arab seperti kitab menjadi lebih mudah kerana kewujudannya dalam kosa kata bahasa Melayu. Pelajar yang memiliki asas bahasa lain turut berkeupayaan memahami struktur bahasa Arab dengan lebih efisien. Di samping itu, pendedahan awal terhadap frasa Arab melalui amalan harian seperti bacaan doa dan al-Quran turut menyumbang kepada pembinaan pemahaman yang kukuh.

Dari sudut penguasaan kemahiran bertutur, konstruktivisme menekankan peranan interaksi sosial dalam pembelajaran bahasa. Pelajar perlu diberi pendedahan kepada situasi

komunikasi sebenar agar mereka dapat membina kefahaman kontekstual secara aktif selaras dengan konsep Zone of Proximal Development yang diketengahkan oleh Vygotsky (1978) yang menekankan manfaat interaksi sosial dalam perkembangan kognitif (Sabilla et al., 2023). Taufiq (2022) dan Tamburlini (2022) membuktikan bahawa penggunaan pendekatan interaktif serta pemodelan berulang amat berkesan dalam pengajaran bahasa Arab, manakala Sabilla et al. (2023) menekankan bahawa kesilapan dalam pertuturan berfungsi sebagai mekanisme maklum balas yang membantu pelajar memperkuuh pemahaman serta menyusun semula struktur kognitif dengan lebih efektif.

Justeru, teori konstruktivisme menggariskan bahawa pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab yang berkesan haruslah berlandaskan prinsip perkaitan antara pengalaman sedia ada dengan pengetahuan baharu serta menyediakan peluang kepada pelajar untuk terlibat dalam interaksi aktif dan komunikasi berterusan bagi mempertingkat kecekapan bertutur secara semula jadi.

Konsep Pengetahuan Sedia Ada

Pengetahuan sedia ada merujuk kepada maklumat yang telah diperoleh oleh pelajar melalui pengalaman sama ada secara langsung atau tidak langsung dan disimpan dalam memori mereka. Ahmad Arifin et al. (2013) menjelaskan bahawa pengetahuan ini berfungsi sebagai asas penting dalam proses asimilasi maklumat baharu manakala Noorazi Rani (2015) menegaskan bahawa ia merujuk kepada maklumat yang telah tersedia dalam minda atau pengalaman individu sebelum menemui maklumat baharu. Bloom (1976) dalam Torsten, Philipp dan Heike (2019) mentakrifkan pengetahuan sedia ada sebagai tingkah laku kognitif awal pelajar yang merangkumi jenis pengetahuan, kemahiran dan kecekapan yang diperlukan untuk menguasai tugas baru.

Menurut Walker (2000) yang memetik pandangan Sousa (1995), proses mengaitkan pengetahuan sedia ada dengan maklumat baharu dikenali sebagai pemindahan. Keberkesanan proses ini bergantung kepada pengalaman pembelajaran yang lepas dan tahap kebolehlaksanaan maklumat baharu pada masa depan. Kajian terkini oleh Alreshidi (2023) menunjukkan bahawa pelajar yang memiliki pengetahuan awal yang kukuh dalam bidang matematik cenderung menunjukkan prestasi yang lebih baik dalam kemahiran pemikiran kritikal dan penyelesaian masalah. Selain itu, pendekatan pembelajaran daripada perkara yang diketahui kepada yang tidak diketahui telah terbukti meningkatkan pemahaman pelajar selaras dengan dapatan kajian McLoone dan Oluwadun (2014) yang menekankan kepentingan pendekatan pembelajaran mendalam dalam mencapai hasil pendidikan yang lebih berkesan.

Dalam konteks pengajaran di bilik darjah, guru memegang peranan penting dalam mengenal pasti dan mengaktifkan pengetahuan sedia ada pelajar bagi memudahkan penerimaan konsep baharu. Pyle dan Andre (1986) dalam Walker (2005) menegaskan bahawa hasil pembelajaran bukan sahaja bergantung pada kaedah pengajaran, tetapi juga sangat dipengaruhi oleh pengetahuan sedia ada pelajar. Apabila pelajar mengaitkan maklumat baharu dengan pengetahuan sedia ada, minat terhadap pembelajaran akan meningkat dan maklumat tersebut lebih mudah diingati. Kajian oleh Simonsmeier et al. (2023) turut menegaskan bahawa bukan sahaja kuantiti tetapi juga kualiti pengetahuan sedia ada adalah faktor penting dalam

menentukan keberkesanan pembelajaran. Oleh itu, usaha untuk membina dan memperkuuh pengetahuan sedia ada pelajar adalah penting sebagai asas kepada proses pembelajaran yang lebih efektif.

Dalam konteks pembelajaran bahasa khususnya bahasa asing seperti bahasa Arab, pengetahuan sedia ada berfungsi sebagai asas kognitif yang membantu pelajar menghubungkan input baharu dengan skema mental yang telah terbentuk. Hubungan ini seterusnya menyumbang kepada keberkesanan pembelajaran kerana pelajar dapat membina pemahaman secara kumulatif (Taber, 2011). Hasil meta-analisis oleh Simonsmeier et al. (2021) menunjukkan bahawa tahap pengetahuan awal pelajar berkorelasi positif dengan pencapaian pembelajaran termasuk dalam pemerolehan bahasa. Selaras dengan itu, kajian oleh Darcy et al. (2024) dalam bidang linguistik menunjukkan bahawa pengetahuan fonologi yang telah sedia ada memberi kelebihan ketara kepada pelajar L2 dalam memproses input dalam bahasa kedua dengan lebih cekap dan tepat. Mereka menegaskan bahawa representasi fonoleksikal yang lebih kukuh dalam mental leksikon membantu pelajar mengenali bunyi baharu, mengelakkan kekeliruan bunyi dan mengoptimumkan pemahaman lisan dalam interaksi harian.

Model pengetahuan sedia ada yang dikemukakan oleh Hailikari, Nevgi dan Lindblom-Ylanne (2007) membahagikan konsep ini kepada lima konstruk utama yang saling berkait dan berperanan dalam membantu pelajar menguasai kemahiran bertutur. Konstruk tersebut ialah pengetahuan tatabahasa, pengetahuan isi kandungan, pengetahuan mendalam, integrasi pengetahuan dan aplikasi pengetahuan. Pertama, pengetahuan tatabahasa merujuk kepada kefahaman pelajar terhadap struktur linguistik bahasa Arab seperti morfologi dan sintaksis yang penting dalam pembentukan ayat yang tepat. Kedua, pengetahuan isi kandungan merangkumi penguasaan pelajar terhadap topik-topik silibus seperti peribahasa, kaedah Nahu Sorof, sejarah serta budaya Arab dan teks harian yang memberi konteks dalam komunikasi. Ketiga, pengetahuan mendalam ialah keupayaan pelajar memahami prinsip asas dan mengaitkan pelbagai konsep bahasa yang membolehkan penggunaan bahasa secara lebih tepat dan tersusun. Keempat, integrasi pengetahuan bermaksud keupayaan pelajar menggabungkan pelbagai bentuk pengetahuan seperti kosa kata, tatabahasa dalam kemahiran lisan sebenar. Terakhir, aplikasi pengetahuan merujuk kepada kemampuan pelajar menggunakan ilmu yang dipelajari dalam situasi praktikal seperti perbualan atau tugasaran lisan.

Konsep Kemahiran Bertutur Bahasa Arab

Kemahiran bertutur merujuk kepada keupayaan pelajar untuk menyampaikan maklumat, idea dan perasaan secara lisan dengan sebutan serta intonasi yang betul dan sopan (Masyitoh & Kaseh, 2018). Kemahiran ini merupakan antara kemahiran asas yang kritikal dalam pembelajaran bahasa Arab kerana melibatkan komunikasi dua hala secara langsung antara penutur dan pendengar (Toiemah, 1989). Kemahiran bertutur memerlukan pelajar menguasai aspek fonologi, tatabahasa, kosa kata serta kebolehan memilih struktur bahasa yang sesuai dalam konteks tertentu. Penguasaan bertutur membolehkan pelajar berinteraksi secara berkesan termasuk dengan penutur jati bahasa Arab (Asma Abdul Rahman & Nursilah Ahmad, 2020).

Keberkesanan kemahiran bertutur bahasa Arab boleh dirujuk berdasarkan Model Higgs dan Clifford (1982) yang menekankan empat komponen utama iaitu tatabahasa, kosa kata,

kefasihan dan pemahaman. Keempat-empat komponen ini menjadi asas dalam menilai tahap kemahiran bertutur pelajar. Bagi mencapai tahap kemahiran bertutur yang baik, beberapa konstruk asas perlu dikuasai. Pertama, tatabahasa (nahu) berperanan memperkuuh struktur ayat agar pertuturan menjadi tepat dan jelas. Penggunaan tatabahasa yang betul dapat mengelakkan kesalahan semasa menyampaikan maklumat serta meningkatkan kefahaman pendengar (Wan Rohani et al., 2017). Kedua, kosa kata menjadi asas kepada kandungan pertuturan. Pelajar yang menguasai perbendaharaan kata yang luas mampu menyampaikan maklumat secara lebih tepat, menarik dan bervariasi mengikut konteks (Widi Astuti, 2016).

Ketiga, kefasihan merujuk kepada keupayaan bertutur secara lancar, petah dan yakin seolah-olah seperti penutur asli. Aspek ini melibatkan kelancaran menyusun idea, keberanian menyampaikan pendapat serta penguasaan aspek pragmatik bahasa bagi memastikan penguasaan bahasa Arab yang menyeluruh (Nora'Azian & Fadzilah, 2018; Afiqah Rizan, 2022). Keempat, pemahaman ialah keupayaan untuk memahami makna dan mesej yang ingin disampaikan serta mentafsir maklumat dalam konteks yang betul. Beck (1981) berpandangan bahawa pemahaman merupakan satu proses interaktif antara pengetahuan sedia ada dengan isi kandungan teks yang dibaca. Hal ini bergantung kepada pengetahuan sedia ada pelajar serta kebolehan menghubungkaitkan maklumat baru dengan pengalaman atau maklumat terdahulu.

Selain empat komponen utama tersebut, kajian semasa menegaskan bahawa kemahiran bertutur tidak hanya terhad kepada aspek linguistik semata-mata, malah turut merangkumi aspek sosiopragmatik dan interaksi sosial autentik. Sosiopragmatik menekankan kepentingan konteks sosial dan latar budaya dalam penggunaan bahasa selari dengan dapatan bahawa keberkesanan pertuturan sangat dipengaruhi oleh keupayaan pelajar menyesuaikan penggunaan bahasa mengikut faktor-faktor tersebut (Terkourafi & Delbar, 2023). Dalam konteks pendidikan bahasa Arab di Malaysia, kemahiran bertutur turut dijadikan petunjuk utama keberkesanan proses PdP. Faryat (2025) dan Abdulhafid et al. (2024) menekankan bahawa pendekatan pengajaran yang bersifat interaktif serta menyediakan ruang untuk komunikasi sebenar terbukti dapat meningkatkan tahap pertuturan pelajar.

Selari dengan perkembangan teknologi semasa, pelajar kini turut memanfaatkan aplikasi digital seperti Flipgrid, Telegram dan platform rakaman video sebagai medium latihan pertuturan secara kendiri. Integrasi aplikasi digital untuk latihan bertutur secara kendiri didapati dapat meningkatkan tahap kefasihan dan keyakinan pelajar khususnya dalam kalangan bukan penutur jati (Faryat, 2025). Kesimpulannya, penguasaan kemahiran bertutur bahasa Arab menuntut sinergi antara penguasaan linguistik keberanian bertutur, kefahaman terhadap konteks sosial dan budaya serta latihan konsisten dalam suasana yang menyokong interaksi autentik.

Isu dan Cabaran dalam Penguasaan Kemahiran Bertutur

Kemahiran bertutur merupakan aspek penting dalam penguasaan bahasa Arab sebagai bahasa kedua, namun pelbagai kekangan telah dikenal pasti menghalang pelaksanaannya secara berkesan dalam bilik darjah. Kajian lepas menunjukkan bahawa pelajar bukan penutur jati sering berdepan kesukaran dari segi kefasihan, spontaniti dan keyakinan yang berpunca

daripada penggunaan strategi pembelajaran kendiri dan komunikasi yang terhad (Hairun Najuwah et al., 2016; Azman Che Mat et al., 2022; Faryat & Ahmiani, 2025). Selain itu, faktor persekitaran pembelajaran yang kurang menyokong serta kekurangan peluang untuk komunikasi autentik turut memburukkan lagi cabaran ini (Faryat & Ahmiani, 2025).

Nor Azhan Norul’Azmi dan Noor Shamshinar Zakaria (2021) dan Siti Salwa Mohd Noor et al. (2021) mendapati bahawa pelajar menghadapi kesukaran untuk bertutur secara spontan, terutamanya apabila berinteraksi dengan penutur asli disebabkan kebergantungan kepada terjemahan serta penguasaan kosa kata yang terbatas (Yusoff & Hadi, 2024; Faryat & Ahmiani, 2025). Penemuan ini disokong oleh Nurul Afiqah Mohd Rizan (2022) yang melaporkan bahawa tahap penguasaan kosa kata dalam kalangan pelajar SABK masih berada pada tahap sederhana yang secara langsung menjelaskan kecekapan pertuturan mereka.

Faktor afektif turut dikenal pasti antara penghalang utama kepada kelancaran pertuturan pelajar. Unsur seperti rasa malu (Mohd Salikin et al., 2021), takut terhadap kritikan dan kurangnya motivasi telah memberikan kesan negatif terhadap penglibatan pelajar dalam komunikasi lisan (Suhaimi & Sabri, 2023; Jamoom & Bahron, 2024; Fatima et al., 2024). Keadaan ini semakin meruncing apabila pengajaran bahasa Arab masih kurang menekankan aplikasi praktikal dan aktiviti interaktif yang dapat membantu pelajar menguasai kemahiran bertutur dengan lebih berkesan.

Selain itu, pengintegrasian elemen budaya Arab dalam pengajaran bahasa amat penting bagi meningkatkan kemahiran bertutur dan keyakinan pelajar. Dapatan kajian terkini oleh Yazid Isa et al. (2024) dan Sari & Sangidu (2025) menunjukkan bahawa kekurangan integrasi aspek budaya Arab dalam bahan dan pendekatan pengajaran menyukarkan pelajar untuk memahami konteks komunikasi sebenar, seterusnya melemahkan keyakinan mereka untuk bertutur. Kekangan ini berpunca daripada keterbatasan kapasiti guru serta bahan pengajaran yang tidak menekankan dimensi budaya secara menyeluruh. Teknologi moden berpotensi memperkayakan pengalaman pembelajaran melalui sumber digital yang interaktif dan menarik, namun penggunaannya dalam pengajaran bahasa Arab masih terhad (Sakdiah & Jamil, 2024).

Dari sudut penggunaan teknologi, Mohd. Taqwudin Mohd. Yazid et al. (2022) mendapati bahawa pelajar bukan Muslim yang mengikuti pembelajaran bahasa Arab secara dalam talian memerlukan lebih banyak sokongan dalam memanfaatkan teknik pengajaran digital yang efektif bagi meningkatkan kemahiran bertutur meskipun kaedah bantuan seperti terjemahan teks telah digunakan dalam sesi pengajaran.

Di samping itu, antara kekangan utama dalam pengajaran bahasa Arab ialah kurangnya latihan khusus berkaitan aspek budaya dalam kalangan guru yang seterusnya mengehadkan keupayaan mereka untuk mengintegrasikan elemen budaya secara berkesan dalam proses pengajaran (Sari & Sangidu, 2025; Yemm, 2022). Kecenderungan sistem pendidikan yang memberikan penekanan lebih besar kepada bahasa Inggeris berbanding bahasa Arab turut menyumbang kepada kemerosotan tahap literasi bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekali gus menyukarkan usaha pengintegrasian konteks budaya dalam PdP bahasa Arab (Yemm, 2022).

Meskipun integrasi budaya dan pendekatan pembelajaran berkонтекstual dikenal pasti sebagai elemen penting dalam memantapkan penguasaan bahasa Arab, terdapat pandangan yang menyatakan bahawa fokus terhadap aspek mekanik bahasa seperti tatabahasa dan struktur ayat dapat menghasilkan pencapaian yang lebih cepat dalam penguasaan bahasa. Namun

demikian, pengabaian terhadap konteks budaya dalam pengajaran akan membawa implikasi jangka panjang yang negatif khususnya dari segi keupayaan pelajar untuk berkomunikasi secara efektif dan yakin dalam situasi sebenar berbahasa Arab.

Dalam konteks pendidikan tinggi pula, Nurul Amalia Ruslan et al. (2022) melaporkan bahawa kekurangan kosa kata dan tahap motivasi diri yang rendah merupakan antara faktor utama yang membantutkan kelancaran dan keberkesanan pelajar dalam bertutur bahasa Arab. Keadaan ini berkait rapat dengan kurangnya pendedahan kepada situasi komunikasi sebenar serta peluang latihan bertutur yang berterusan.

Tambahan lagi, kaedah pengajaran bahasa Arab di sekolah menengah agama masih didominasi oleh pendekatan responsif tradisional seperti soal jawab dan aktiviti dengar-tutur tanpa pengaplikasian meluas pendekatan komunikasi interaktif yang terbukti lebih berkesan. Kekangan ini mengehadkan peluang pelajar untuk berkomunikasi secara aktif dalam suasana yang kondusif dan menyokong keyakinan bertutur (Nasrullah, 2023; Faryat, 2025). Dapatkan kajian mutakhir menunjukkan bahawa pendekatan interaktif-komunikatif seperti lakonan, simulasi dan latihan pertuturan kontekstual berupaya meningkatkan kemahiran lisan, kosa kata dan kelancaran pelajar secara signifikan (Maryani et al., 2024). Tambahan pula, integrasi teknologi moden seperti platform digital dan bahan multimedia mampu menjadikan sesi pembelajaran lebih menarik dan bermakna, namun penggunaannya dalam pengajaran bahasa Arab masih belum dimanfaatkan sepenuhnya (Sakdiah & Jamil, 2024).

Selain itu, Hali et al. (2024) dan Sharma (2024) turut menegaskan bahawa kelemahan dalam kelancaran dan spontaniti pertuturan berpunca daripada faktor dalaman dan luaran. Dari sudut dalaman, pelajar berhadapan dengan penggunaan strategi pembelajaran kendiri yang berkesan selain halangan afektif seperti kebimbangan dan rasa malu yang menjelaskan penglibatan mereka dalam aktiviti pertuturan. Dari sudut luaran pula, persekitaran pembelajaran yang tidak interaktif serta kekurangan peluang untuk berkomunikasi dalam konteks sebenar turut menghambat perkembangan kemahiran bertutur (Jamoom & Bahron, 2024; Sharma, 2024). Xu-hui (t.th.) menekankan bahawa ketidakkonsistenan dalam maklum balas guru terhadap kesilapan pelajar turut menjadi faktor penghalang kepada proses pembetulan kendiri yang berkesan sekali gus membantutkan perkembangan kecekapan lisan pelajar.

Secara keseluruhan, isu dalam penguasaan kemahiran bertutur bahasa Arab berpunca daripada gabungan faktor dalaman (seperti kelemahan strategi pembelajaran, faktor afektif, penguasaan kosa kata yang rendah dan kurang pendedahan budaya) serta faktor luaran (termasuk kekurangan latihan interaktif, penggunaan teknologi yang tidak efektif, persekitaran komunikasi yang tidak menyokong dan maklum balas guru yang terbatas). Keadaan ini mencerminkan keperluan mendesak untuk memperkuuh aspek pengajaran kemahiran bertutur melalui penekanan kepada strategi pembelajaran kendiri, latihan berbentuk aplikasi autentik, integrasi elemen budaya serta penyediaan persekitaran pembelajaran yang lebih holistik dan menyeluruh. Namun begitu, bagi pandangan penyelidik sendiri, walaupun faktor luaran adalah signifikan, namun tanggungjawab utama dalam pembangunan kefasihan masih terletak pada pelajar itu sendiri yang perlu menunjukkan inisiatif dan usaha untuk mengatasi halangan tersebut.

Peranan Pengetahuan Sedia Ada dalam Penguasaan Kemahiran Bertutur

Pengetahuan sedia ada memainkan peranan penting dalam membantu pelajar membina makna baharu dan memperkuuh penguasaan kemahiran bahasa khususnya kemahiran bertutur. Seperti yang digariskan dalam Teori Konstruktivisme Piaget, individu membina pengetahuan baharu berdasarkan struktur kognitif yang sedia ada (Piaget, 1954). Dalam pembelajaran bahasa Arab, pengetahuan sedia ada seperti penguasaan tatabahasa, kosa kata dan kefahaman isi kandungan akan mempengaruhi keupayaan pelajar dalam menyusun ayat, memilih perkataan yang sesuai dan menyampaikan makna dengan jelas ketika bertutur terutamanya dalam situasi komunikasi sebenar.

Kajian oleh Hailikari, Nevgi dan Lindblom-Ylännne (2007) mendapati bahawa pengetahuan sedia ada berupaya meraml pencapaian pelajar terutamanya dalam pembelajaran yang memerlukan kemahiran kompleks seperti pemahaman mendalam dan penghasilan lisan. Masrai dan Milton (2017) menyatakan bahawa asas linguistik yang kukuh meningkatkan keupayaan pelajar untuk berkomunikasi secara berkesan dalam bahasa kedua sekali gus mengukuhkan kepentingan pengetahuan sedia ada dalam pemerolehan bahasa.


Beberapa kajian lain turut menyokong wujudnya hubungan positif antara pengetahuan sedia ada dan kecekapan bertutur. Menurut Awatif Abdul Rahman et al. (2019), pelajar yang menguasai isi kandungan dan tatabahasa lebih berupaya berinteraksi dalam perbualan bahasa Arab dengan kefasihan yang lebih baik. Penguasaan kosa kata sedia ada mempunyai hubungan signifikan dengan prestasi pertuturan dalam kalangan pelajar bahasa asing. Pelajar yang memiliki perbendaharaan kata yang luas berupaya menggunakan frasa yang lebih tepat dan pelbagai semasa komunikasi, justeru meningkatkan kefasihan dan kejelasan pertuturan mereka (Masrai & Milton, 2017; Jambari et al., 2021; Sari et al., 2024).

Seterusnya, kajian oleh Noor Amrina (2023) menekankan pengetahuan sedia ada berfungsi sebagai asas kepada proses aplikasi bahasa dalam komunikasi sebenar terutamanya dalam situasi tidak formal yang memerlukan tindak balas pantas dan spontan. Tambahan pula, Sari dan Sangidu (2025) menyoroti cabaran dalam pengintegrasian pengetahuan budaya Arab dalam pengajaran bahasa Arab yang mana kekurangan bahan pengajaran berkaitan budaya dan pengetahuan guru tentang budaya Arab dilihat sebagai kekangan dalam meningkatkan kemahiran bertutur pelajar.

Justeru, dapat disimpulkan bahawa pengetahuan sedia ada bukan sahaja menyokong pemahaman terhadap input bahasa, tetapi juga berperanan mengaktifkan kecekapan produktif pelajar dalam kemahiran bertutur. Namun begitu, kajian yang meneliti secara mendalam hubungan antara pengetahuan sedia ada dan kemahiran bertutur dalam bahasa Arab masih belum meluas dijalankan khususnya dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Kajian yang lebih berfokus amat diperlukan untuk memahami bagaimana aspek kognitif dapat dimanfaatkan dalam membina kecekapan bertutur yang mantap. Dapatkan kajian sebegini berpotensi membantu guru bahasa dalam merancang intervensi pedagogi yang lebih berkesan serta menyokong pembangunan kurikulum bahasa Arab yang lebih kontekstual dan responsif terhadap keperluan pelajar.

Kerangka Konseptual dan Hubungan dengan Kajian Ini

Kerangka konseptual kajian ini dibina berdasarkan dua model utama yang saling melengkapi iaitu Model Pengetahuan Sedia Ada oleh Hailikari, Nevgi dan Lindblom-Yläne (2007) serta Model Kemahiran Bertutur oleh Higgs dan Clifford (1982). Kedua-dua model ini disokong oleh kerangka Teori Konstruktivisme seperti yang dikembangkan oleh Piaget (1976) dan Vygotsky (1978). Gabungan model dan teori ini membentuk asas pemahaman terhadap proses pembelajaran bahasa secara aktif yang bertujuan memahami bagaimana pengetahuan sedia ada mempengaruhi kecekapan bertutur bahasa Arab dalam kalangan pelajar.



Model Hailikari, Nevgi & Lindblom-Yläne (2007)

Model Higgs & Clifford (1982)

Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian

Model Pengetahuan Sedia Ada yang diperkenalkan oleh Hailikari, Nevgi & Lindblom-Yläne (2007) membahagikan pengetahuan kepada dua komponen utama iaitu pengetahuan sedia ada deklaratif dan pengetahuan sedia ada prosedural. Pengetahuan sedia ada deklaratif merangkumi fakta, konsep dan maklumat asas manakala pengetahuan sedia ada prosedural melibatkan keupayaan menggunakan dan mengaplikasikan pengetahuan tersebut dalam konteks komunikasi sebenar (Hailikari et al., 2007). Dalam konteks kemahiran bertutur, pelajar yang memiliki asas kukuh dalam kosa kata dan tatabahasa (pengetahuan deklaratif) serta mampu mengaplikasikan ayat dan struktur bahasa dalam komunikasi sebenar (pengetahuan prosedural) cenderung menunjukkan prestasi pertuturan yang lebih tinggi. Kajian oleh Abidah dan Anuar (2023) telah menunjukkan penguasaan kosa kata Arab menyumbang kepada kefasihan dan kejelasan pertuturan dan peranan tatabahasa dalam membina ayat yang tepat.

Model ini kemudiannya telah diolah dan dikembangkan oleh Noorazi Rani (2021) bagi disesuaikan dengan keperluan pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing. Adaptasi tersebut memperincikan model asal Hailikari kepada lima elemen utama iaitu pengetahuan tatabahasa, pengetahuan isi kandungan, pengetahuan mendalam, integrasi pengetahuan dan aplikasi pengetahuan. Pengolahan ini bertujuan untuk menjelaskan aspek-aspek pengetahuan

yang lebih relevan dan signifikan dalam konteks penguasaan bahasa Arab pelajar khususnya dari sudut pengetahuan linguistik dan semantik.

Sementara itu, Model Kemahiran Bertutur oleh Higgs & Clifford (1982) menstrukturkan kecekapan bertutur kepada empat elemen utama iaitu tatabahasa, kosa kata, kefasihan dan pemahaman. Elemen-elemen ini mencerminkan kecekapan bertutur yang holistik merangkumi ketepatan struktur bahasa serta kemampuan menyampaikan makna dengan lancar dan difahami. Pengetahuan sedia ada deklaratif berkait rapat dengan penguasaan kosa kata dan tatabahasa manakala pengetahuan sedia ada prosedural memainkan peranan penting dalam membina kefasihan dan pemahaman melalui penggunaan strategi pertuturan secara spontan dan bermakna.

Kedua-dua model ini diperkuuhkan oleh prinsip Teori Konstruktivisme yang menjelaskan bahawa pembelajaran berlaku melalui proses aktif apabila pelajar mengaitkan pengetahuan baharu dengan pengetahuan sedia ada melalui pengalaman lampau, interaksi sosial dan konteks yang bermakna. Piaget (1976) melihat pembelajaran melalui proses asimilasi dan akomodasi maklumat manakala Vygotsky (1978) menekankan kepentingan interaksi sosial dan mengetengahkan konsep *Zone of Proximal Development (ZPD)* yang menyatakan bahawa pelajar akan lebih berkesan dalam pembelajaran apabila dibimbing dalam interaksi sosial.

Dalam konteks pengajaran bahasa, kemahiran bertutur menjadi lebih bermakna apabila pelajar dapat mengaitkan kosa kata dan struktur ayat baharu dengan pengalaman harian seperti komunikasi sehari-hari, bacaan doa atau amalan keagamaan. Aswadi (2024) menegaskan bahawa pemilihan kosa kata yang berasaskan latar sosial dan budaya pelajar dapat meningkatkan kefahaman dan penguasaan bahasa. Aktiviti berasaskan pengalaman seperti perbincangan, penceritaan dan lakonan peranan turut membantu pelajar menggunakan bahasa dalam konteks yang autentik dan bermakna (Firdaus, 2024). Malah, integrasi unsur budaya dan sosial dalam pembelajaran bahasa dapat menjadikan pengajaran lebih menarik serta membina pemahaman yang lebih holistik terhadap bahasa dan penggunaannya (Hasibuan et al., 2023).

Gabungan model dan teori ini saling menyokong dalam menerangkan hubungan antara pengetahuan sedia ada dan kecekapan bertutur. Pengetahuan awal yang kukuh menyediakan asas penting untuk pembinaan struktur bahasa yang lebih kompleks, manakala Teori Konstruktivisme menjelaskan bagaimana pelajar membina makna dan kefasihan melalui interaksi, pengalaman dan refleksi. Berdasarkan kerangka ini, kajian ini dijalankan untuk meneliti secara empirikal sejauh mana pengetahuan sedia ada pelajar mempengaruhi tahap kecekapan mereka dalam bertutur bahasa Arab.

Perancangan Metodologi

Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan secara keratan rentas bagi menilai hubungan antara tahap pengetahuan sedia ada dan kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan pelajar Tingkatan Empat di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) di Daerah Kinta Utara. Sampel dipilih melalui teknik pensampelan rawak berstrata berdasarkan dengan kelulusan daripada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Jabatan Pendidikan Negeri Perak. Data dikumpulkan melalui satu set instrumen soal selidik yang terdiri daripada tiga bahagian iaitu: Bahagian A (demografi pelajar), Bahagian B (tahap pengetahuan sedia ada) dan Bahagian C

(kemahiran bertutur bahasa Arab). Instrumen ini telah melalui proses pengesahan pakar dan kajian rintis serta mencatatkan nilai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu Bahagian B ($\alpha = 0.92$) dan Bahagian C ($\alpha = 0.87$).

Proses kutipan data dilaksanakan secara manual dengan kerjasama guru dan persetujuan pelajar. Data dianalisis menggunakan SPSS versi 25 melibatkan statistik deskriptif (min, sisihan piawai, kekerapan) serta statistik inferensi menggunakan Ujian Korelasi Pearson dan Regresi Linear Mudah bagi menentukan hubungan dan keupayaan ramalan antara pemboleh ubah. Semua prosedur kajian mematuhi prinsip etika penyelidikan termasuk kerahsiaan maklumat dan keselamatan data. Kajian ini diharap dapat memberikan gambaran jelas tentang peranan pengetahuan sedia ada dalam memperkuuh kemahiran bertutur pelajar bahasa Arab serta menjadi asas kepada pembangunan strategi pengajaran yang lebih berfokus dan berdasarkan data.

KESIMPULAN

Kajian ini mengemukakan satu konsep penting dalam bidang pengajaran bahasa kedua, khususnya dalam memperkuuh kemahiran bertutur bahasa Arab melalui pengaktifan pengetahuan sedia ada dalam kalangan pelajar. Berdasarkan sorotan literatur dan kerangka teori yang dihuraikan, dapat dirumuskan bahawa pengetahuan sedia ada memainkan peranan yang signifikan dalam meningkatkan kecekapan pelajar dalam bertutur terutamanya dalam konteks pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa tambahan. Model pengetahuan sedia ada oleh Hailikari, Nevgi dan Lindblom-Ylännne (2007) dan model kemahiran bertutur oleh Higgs dan Clifford (1982) yang seterusnya disokong oleh Teori Konstruktivisme Piaget (1976) dan Vygotsky (1978) menjadi landasan teori yang kukuh untuk memahami bagaimana struktur kognitif sedia ada dapat dimanfaatkan dalam proses pemerolehan bahasa asing.

Kajian ini turut meneliti cabaran-cabaran yang dihadapi dalam penguasaan kemahiran bertutur dan menegaskan keperluan mendesak untuk memperkuuh pendekatan pedagogi yang mengambil kira latar belakang pengetahuan pelajar. Melalui penggunaan instrumen soal selidik yang telah diadaptasi dan disahkan, kajian ini diharapkan dapat menghasilkan data empirikal yang sah untuk menilai hubungan antara pengetahuan sedia ada dan kecekapan bertutur dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama di Malaysia. Secara keseluruhannya, konsep dan metodologi yang dikemukakan dalam kajian ini diharapkan bukan sahaja dapat menyumbang kepada pembangunan teori dalam bidang pengajaran bahasa kedua, malah juga memberi implikasi praktikal dalam reka bentuk kurikulum dan strategi pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab di peringkat sekolah menengah. Kajian ini turut mencadangkan potensi penyelidikan lanjutan yang menumpukan kepada strategi pengajaran yang mengintegrasikan pengetahuan sedia ada pelajar bagi meningkatkan keupayaan komunikasi lisan dalam bahasa Arab.

RUJUKAN

- Abdul Muqsith Ahmad. 2013. Faktor yang mempengaruhi perbezaan pencapaian akademik pelajar lepasan diploma politeknik dan matrikulasi terhadap subjek kejuruteraan.

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
UTHM.

- Aboubakr Salem Abdulhafid, K., Mustapha, N. F., & Hassan, A. R. 2024. Improvement of Arabic Speaking Skills among Non-Arabic Students through Role-Play Activities. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 13(1): 2299-2313.
- Ahmad Arifin Sapar, Nazirah Radin Salim, Ahmad Fikri Hj. Husin, Mat Taib Pa. 2013. Penguasaan pelajar sekolah menengah terhadap kata pinjaman bahasa Arab berdasarkan pengetahuan sedia ada. *The Online Journal of Islamic Education January* 1(1): 48-59.
- Akhirudin, A., Haq, M. A., & Bahruddin, U. 2023. Al-Quran al-Karim wa al-Lughah al-'Arabiyyah Dirasah Tahliliyyah Takhiriyyah. *Imtiyaz: Jurnal Pendidikan dan Bahasa Arab*, 7(2): 83-104.
- Alreshidi, N. A. K. 2023. Enhancing topic-specific prior knowledge of students impacts their outcomes in mathematics. In *Frontiers in Education* (Vol. 8, p. 1050468). Frontiers Media SA.
- Aslan, A. 2019. Kur'ân-ı Kerim ve Hz. Peygamber'in (sav) Arap Dili Üzerindeki Etkileri. *Harran Üniversitesi İlahiyat Fakültesi Dergisi*, (42): 27-55.
- Asma Abdul Rahman & Nursilah Ahmad. 2020. Pembinaan model kemahiran bertutur bahasa Arab "Mgg@ Tfmodktba@ Innov" di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Malaysia. *Jurnal Kesidang*, 5(1): 77-87.
- Aswadi, D. 2024. Optimizing Language Learning with Relevant and Contextual Vocabulary Selection in Education. *Journal on Education*, 7(1): 8615–8625.
- Awatif Abdul Rahman, Mohd Shafie Zulkifli, Muhammad Hashimee & Naqibah Mansor. 2019. Tahap pengetahuan guru Melayu dalam pengajaran tatabahasa bahasa Arab. *Jurnal Melayu* 18(2): 231-243.
- Azman Che Mat, Ahmad Zulfadhl Nokman, Nor Shaifura Musilehat, Ahm Bakar & Zalinawati Abdullah. 2022. Amalan strategi mendengar dan bertutur bahasa Arab dalam kalangan pelajar. *Akademika* 92(3): 133-148.
- Baeha, J. S., Lorenza, L. I., Rahmawati, A., & Nasution, S. 2024. Peningkatan Kemampuan Muhadatsah di Prodi Pendidikan Bahasa Arab : Perspektif Mahasiswa. *Al-Tarbiyah,Bau Bau/Al-Tarbiyah*, 3(1): 164–174.
- Beck, L.I. 1981. *Reading Problems and Instructional Practice, Reding Research Advances in Theory and Practice*. London: Academic Press.
- Bittermann, A., McNamara, D., Simonsmeier, B. A., & Schneider, M. 2023. The landscape of research on prior knowledge and learning: A bibliometric analysis. *Educational Psychology Review*, 35(2): 58.
- Bloom, B.S. 1976. *Human Characteristics and School Learning*. McGraw-Hill: New York, NY, USA.
- Darcy, I., Llompart, M., Hayes-Harb, R., Mora, J. C., Adrian, M., Cook, S., & Ernestus, M. 2025. Phonological processing and the L2 mental lexicon: Looking back and moving forward. *Studies in Second Language Acquisition*, 47(1): 361-387.
- Dochy, F., Segers, M., & Buehl, M. M. 1999. The relation between assessment practices and outcomes of studies: The case of research on prior knowledge. *Review of educational*

- research, 69(2): 145-186.
- El-Tingari, S. M. 2016. Strategies for learning second language skills: Arabic speaking skills in the Malaysian context. *International Journal of English Language Teaching and Linguistics*, 1(1): 19-34.
- Faryat, A., & Ahmiani, O. 2025. Developing Speaking Skills in Arabic Learners who are Non-Native Speakers: A Descriptive and Analytical Study. *Journal of Arabic Language Learning and Teaching*, 3(1): 69-88.
- Fatima, S., Malik, M. S., Jabeen, F., & Nabeel, S. A. 2024. Communication Barriers between Teachers-Students during Teaching Learning Process at Secondary School Level. *Social Science Review Archives*, 2(2): 1435–1442.
- Firdaus, S. 2024. Arabic Speaking Skill Learning Using the Experiential Learning Theory-Based Learning Model and Its Role in Learning Model Development *Jurnal Ilmiah Program Studi Pendidikan Bahasa Arab IAIN Palangka Raya*, 12(1): 189-202.
- Fuadi, F. 2019. *Analisis Kesulitan Belajar Bahasa Arab*. 5(2): 161–169.
- Ghazali Yusri Abdul Rahman 2012. Penilaian Kemahiran Lisan dalam Kurikulum Bahasa Arab di Universiti Teknologi. Unpublished Doctoral Dissertation, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Hailikari, T., Katajavuori, N., & Lindblom-Ylanne, S. 2008. The relevance of prior knowledge in learning and instructional design. *American journal of pharmaceutical education*, 72(5): 113.
- Hailikari, T., Nevgi, A., & Lindblom-Ylanne, S. 2007. Exploring alternative ways of assessing learning outcomes: The case of prior knowledge. *Studies in Educational Evaluation*, 33(3–4): 320–337.
- Hairun Najuwah Jamali, Awatif Abd Rahman, Ku Fatahiyah Ku Azizan & Siti Nurhajariah Md Isa. 2016. Membina kemahiran bertutur dalam bahasa Arab melalui teknik main peranan. *E-Journal of Arabic Studies & Islamic Civilization* 3: 89-100.
- Hali, N., Yuningsih, S. H., & Suhaimi, N. B. A. 2024. Analysis of Factors Inhibiting Students in Speaking English as a Foreign Language: Qualitative Study in Classes VIII and IX at Mts Darul Falah Cibungur. *International Journal of Ethno-Sciences and Education Research*.
- Halid, N. 2024. Constructivist Approach to Language Learning: Linking Piaget's Theory to Modern Educational Practice. *ResearchGate*.
- Hasibuan, A. N. A., Kartika, N., Hasibana, R. S., & Siagian, S. S. 2023. Teori Kontekstual Sebagai Pendekatan Pembelajaran Bahasa Arab yang Menarik. *Perspektif*, 2(1): 106-114.
- Higgs, T. V., & Clifford, R. 1982. *Curriculum, Competence, and the Foreign Language Teacher*. Lincolnwood, IL: National Textbook Co.
- Higgs, T. V., & Clifford, R. 1982. The Push Toward Communication. t.t.p.: t.pt.
- Ilma, L. N., & Numan, M. 2023. Sejarah Transmisi Keilmuan ke dalam Bahasa Arab. *An-Nidzam : Jurnal Manajemen Pendidikan Dan Studi Islam*, 10(2): 202–210.
- Ismail, Zawawi, Tamuri, Ab Halim, Nik Yusoff, Nik Mohd Rahimi & Othman, Mohd Alauddin 2011. Teknik Pengajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Di SMKA Di Malaysia. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 11(2): 67-82.

- Jamaluddin, N. 2023. Pendekatan Konstruktivisme dalam Pendidikan Kontemporeri. *Jurnal Firdaus UPSI*, 15(1): 22–33.
- Jambari, O., Khaerina, R., Siswanto, P., Nugroho, A. S., Nehe, B. M., Nurhayati, N., & Cahyono, H. 2021. *The Correlation Between Students' Vocabulary Mastery and Students' Speaking Skill*. 102–104.
- Jamoom, O. A., & Bahron, N. O. 2024. From Hesitation to Fluency: Unraveling Speaking Barriers in EFL Context. *International Journal of English, Literature and Social Science*, 9(5): 102–110.
- John, D. 2023. Constructivism: Its Implication in Language Teaching and Second Language Acquisition. *Papers in Education and Development*, 33(3–4): 217–230.
- Kamarul Shukri Mat Teh. 2009. Penggunaan strategi pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah agama. Tesis Phd. Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- LANG, Xu Hui. n.d.. *On the Causes of Students' Oral Fluency being Difficult to Form in Classroom Environment*.
- Mahadi, S. 201. Pengetahuan dan Sikap Guru dalam Penggunaan “Lughatul-Fasli”. Bangi: Tesis Sarjana: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Malaysia, K. P. 2018. Laporan tahunan 2018: Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Maryani, N., Syafei, I., & Kosim, A. 2024. Improving Arabic Speaking Proficiency (Muhādatsah) Using Interactive-Communicative Instruction. *Ta’lim al-’Arabiyyah : Jurnal Pendidikan Bahasa Arab Dan Kebahasaaraban*, 8(1): 18–33.
- Masrai, A., & Milton, J. 2017. *Recognition Vocabulary Knowledge and Intelligence as Predictors of Academic Achievement in EFL Context*. 12(1): 128–142.
- Masyitoh Yaacob & Kaseh Abu Bakar. 2018. Tinjauan literatur pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 1(2): 15-25.
- McLoone, P., & Oluwadun, A. 2014. Approaches to learning in higher education: A review. *African Educational Research Journal*, 2(3): 110–115.
- Mohd Taqwudin Mohd Yazid, Wan Muhammad Wan Sulong, Nik Farhan Mustapha & Mohd Azidan Abdul Jabar. 2022. Teknik Pelajar Bukan Muslim Belajar Bertutur Bahasa Arab secara dalam Talian. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 22(4): 327-350.
- Muhammad Faris Suhaimi & Abdul Salam Ahmad Sabri. 2023. Punca pelajar menghadapi kesukaran dalam bertutur bahasa Arab dan kaedah untuk mengatasinya dalam kalangan pelajar bahasa Arab di UPSI. *SIBAWAYH Arabic Language and Education* 4(2): 46–57.
- Nadwah Daud & Nadhilah Abdul Pisal. 2014. Permasalahan pertuturan dalam bahasa Arab sebagai bahasa kedua. *GEMA Online Journal of Language Studies* 14(1): 117-133.
- Nasrullah, Y. 2023. *Efektivitas Media Pembelajaran dalam Meningkatkan Kemampuan Berbicara Bahasa Arab Siswa di Madrasah Ibtidaiyah*.
- Nasrulloh, M. 2023. Sejarah kronologi bahasa arab: semitik. *Tarbawi : Journal on Islamic Education*, 1(1): 90–100.
- Nasution, F. 2023. Pengajaran Membaca Melalui Pendekatan Kognitif dan Konstruktivisme. *El-Mujtama*, 3(3): 842–852.
- Noor Amrina Rosyada Mohd Sofar. 2023. Level of mastery of Arabic language communication

- skills among students in religious secondary schools in Kuala Muda District, Kedah Darul Aman. *SIBAWAYH Arabic Language and Education*, 4(2): 76-85.
- Noorazi Rani. 2021. Pengaruh faktor pembaca terhadap kebolehbacaan buku rujukan bahasa Arab di institut pendidikan guru. Tesis Dr. Fal, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Azhan Norul’Azmi & Noor Shamshinar Zakaria. 2021. Mempraktik kemahiran bertutur dalam bahasa arab dan khidmat sosial melalui pembelajaran berdasarkan projek. *ATTARBAWIY: Malaysian Online Journal of Education* 5(1): 77-90.
- Nora’Azian Nahar & Fadzilah Abd Rahman. 2018. Tahap penguasaan kemahiran bertutur bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan penutur natif. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu- JPB M* 8(1): 74-83.
- NU Online. (2023, Disember 2). *Tafsir Ar-Rum ayat 22: Mengungkap hikmah di balik keberagaman manusia.* <https://islam.nu.or.id/tafsir/tafsir-ar-rum-ayat-22-mengungkap-hikmah-di-balik-keberagaman-manusia-Ctq3n>
- Nurul Afiqah Rizan & Harun Baharudin. 2021. Tahap pengetahuan kosa kata dan pencapaian kemahiran bertutur bahasa Arab pelajar di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Selangor. In *3rd International Conference on Business Studies and Education (ICBE) 28 & 29 March 2021*, hlm. 42-51.
- Nurul Amalia Ruslan. 2022. Halangan Bertutur Bahasa Arab Di Kelas Dalam Kalangan Pelajar Ipt. *Proceeding i-STET*, hal. 147- 154.
- Piaget, J. 1976. Piaget’s theory. t.tp.: t.pt.
- Qomari, V. A., Kaputra, S., Namira, S., Febriani, A. S., Nasution, A. R., & Arifin, Z. 2022. Problems of Students in Learning Arabic Language at Madrasah Aliyah. *International Journal of Multidisciplinary Research of Higher Education*, 5(1): 18-27.
- Sakdiah, N., & Jamil, K. 2024. Asalib Ta’lim Maharat al-Kalam ‘ibar al-Intarnit wa Wasa’ilihi al-Tiknulujiyyah wa al-Ma’lumat. *Religion, Education, and Social Laa Roiba Journal (RESLAJ)*, 6(7).
- Samat, S. A. 2015. Strategi pembelajaran nahu bahasa Arab di sekolah menengah agama negeri (SMAN) Perak (Doctoral dissertation, Tesis Sarjana Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia).
- Sari, M., Karo, T. K., & Afandi, A. 2024. Al-‘Alaqah bayn Isti’ab al-Mufradat wa Tahsil al-Talibat al-Ta’limi fi Maharat al-Kalam li al-Saf al-Awwal min al-Mutawwasit bi Ma’had ‘Abd Allah bin Mas’ud Asahan. *ANWARUL*, 4(3): 652–670.
- Sharma, L. R. 2024. Exploring the Landscape of Challenges and Opportunities in Teaching Speaking Skills. *International Journal of Advanced Multidisciplinary Research and Studies*, 4(3): 74-78.
- Simonsmeier, B. A., Flaig, M., Deiglmayr, A., Schalk, L., & Schneider, M. 2021. Prior knowledge and learning: A meta-analysis. *Educational Psychologist*.
- Siti Salwa Mohd Noor, Norasyikin Osman, Nurazan Mohmad Rouyan, Norhayati Che Hat & Khoirun Nisak Mat Saad. 2021. Kemahiran bertutur bahasa Arab luar kelas dalam kalangan penutur bukan asli bahasa Arab. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 4(2): 59-69.
- Subadrah Nair, M., & Malar Muthiah, K. 2005. Teori-teori Pembelajaran dan Aplikasinya dalam Pengajaran dan Pembelajaran. *Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris*.

- Taber, K. S. 2011. Inquiry teaching, constructivist instruction and effective pedagogy. *Teacher development*, 15(2): 257-264.
- Tamburlini, G. 2022. *Zone of Proximal Development*.
- Taufiq, A. 2022. Constructivism Methods In Procurement Arabic Speaking Ability for Early Children. *Al-Manar*, 13(2): 148-164
- Terkourafi, M., & Delbar, N. 2023. Sociopragmatics. *Linguistics*.
- Toiemah & Muhammad Rushdiy. 1989. Ta’lim al-Lughat al-‘Arabiah li Ghayr al-Natiqin biha manahijuhu wa asalibihu. *Al-Munazamah al-Islamiyyah li al-Tarbiyyah wa al-‘Ulum wa al-Thaqafah*.
- Torsten Binder, Philipp Schmiemann & Heike Theyssen. 2019. Knowledge acquisition of biology and physics university students—the role of prior knowledge. *Education Sciences* 9(4): 1-18.
- Umam, K., Cahyono, R., & Ridha, A. A. 2019. Effectiveness of Training on Constructivism Learning Methods to Improve Teaching Skills Self Help Material for Early Childhood Education Teachers. *International Journal of Indian Psychology* 7(3): 667-679.
- Umam, R., Jermsittiparsert, K., et al. 2019. Effectiveness of Constructivist Learning Environment on Learners’ Academic Achievement and Motivation. *International Journal of Instruction*, 12(4): 343–360.
- Voon, L. L., & Amran, M. 2021. Pendekatan Konstruktivisme dalam Konteks Pendidikan Abad Ke-21. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 46(2):1–10.
- Voon, S. H., & Amran, M. S. 2021. Pengaplikasian teori pembelajaran konstruktivisme dalam pembelajaran Matematik. *Sains Insani* 6(2): 73-82.
- Vygotsky, L. 1978. Mind in society: *The development of higher psychological processes*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Walker, Donna T. 2005. *10 Best Teaching Practices*. Edisi ke-2. California: Corwin Press.
- Walker, T. 2000. *10 Best Teaching Practices*. California: Corwin Press.
- Wang, J. 2022. Constructivist Teaching Approach in 21st Century Classrooms: Challenges and Opportunities. *Proceedings of the 8th International Conference on Humanities and Social Science Research (ICHSSR 2022)*.
- Wan Rohani Wan Mokhtar, Mohd Zaki Abd Rahman, Mohamad Azrien Mohamed Adnan, & Nor Hazrul Mohd Salleh. 2017. Penguasaan tatabahasa Arab dalam kalangan pelajar asasi universiti awam Malaysia. *Jurnal Al-Basirah* 7(2): 23-41.
- Widi Astuti. 2016. Berbagai strategi pembelajaran kosa kata bahasa Arab. *Jurnal Komunikasi Dan Pendidikan Islam* 5(2): 177-191.
- Widya Sari, S. K., & Sangidu, S. 2025. Mengintegrasikan Aspek-Aspek Kebudayaan Arab dalam Pembelajaran Bahasa Arab. *EduInovasi*, 5(1): 27–43.
- Yazid Isa, Ibrahim Abdullah & Mohd Shahzuwan Abdul Razak. 2024. Cabaran dan usaha pengintegrasian pengetahuan budaya arab dalam pengajaran bahasa arab. *ATTARBAWIY: Malaysian Online Journal of Education*, 8(2): 133-142.
- Yemm, L. 2022. *Arabic Language Teacher Training in the Arabian Peninsula* (pp. 39–54). Routledge eBooks.
- Yusoff, M. F. A. M., & Hadi, S. N. I. A. 2024. Faktor Ekstralinguistik Terhadap Penguasaan Kemahiran Lisan didalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab. *Global Journal*

Al-Thaqafah, 14(1): 63–78.

- Yusri, G., Rahimi, N. M., Shah, P. M., Majid, M. A. A., & Wan, H. W. 2012. Penggunaan bahan pembelajaran dalam kursus bahasa Arab. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 12(1): 215-233.